

# MPG rai kejayaan graduan UMSKAL

UM 03.12.2014 26

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

utusansabah@utusan.com.my

## ■ KOTA KINABALU 2 DIS.

**M**AJLIS Penghargaan Graduan (MPG) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2014 merupakan satu tanda pengiktirafan pihak universiti bagi meraikan kejayaan mahasiswa.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, bukan sahaja bagi meraikan graduan menamatkan pengajian, malah mengiktiraf kejayaan individu yang mencatat keputusan cemerlang dalam program pengajian masing-masing.

Beliau berkata, usaha keras dan jasa yang dicurahkan graduan kepada universiti sebelum ini harus dihargai kerana ia telah mengangkat nama UMS ke peringkat lebih tinggi dalam pelbagai bidang yang disertai.

"Saya percaya, apa yang mahasiswa pelajari sepanjang tiga hingga empat tahun di UMSKAL ini merupakan satu pengalaman dan pengajaran yang dapat membantu mereka menempuh kehidupan yang penuh cabaran dan pancaroba pada masa hadapan," katanya ketika berucap merasmikan MPG, di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau telah dibacakan oleh Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Halik.

Dua pelajar Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) membolot dua hadiah utama dalam majlis tersebut iaitu Tan Li Li dan Koay Yi Lin apabila dinobatkan se-



Saya percaya, apa yang mahasiswa pelajari sepanjang tiga hingga empat tahun di UMSKAL ini merupakan satu pengalaman dan pengajaran yang dapat membantu mereka menempuh kehidupan yang penuh cabaran dan pancaroba pada masa hadapan."

**MOHD. HARUN ABDULLAH**  
Naib Canselor UMS

bagai pemenang Anugerah Emas dan Perak, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM4,000 dan RM3,000 serta sijil penghargaan.

Anugerah Gangsa bernilai RM2,000 pula dimenangi pelajar program Ekonomi Kewangan Antarabangsa, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Jong Chaw Bui.

Mengulas lanjut, Mohd. Harun berkata, tahun ini merupakan tahun bersejarah bagi UMS dan UMSKAL kerana meraikan ulang tahun ke-20 dan ke-15 masing-masing.

Sehubungan itu kata beliau, semua pihak perlu memain peranan masing-masing bagi memantap dan meningkatkan tahap pengurusan serta akademik.



Tambahnya, usaha melaksanakan proses transformasi yang telah dimulakan termasuk menukar istilah sekolah kepada fakulti dan penstrukturkan 13 buah sekolah sediada kepada 10 buah fakulti.

Jelasnya, transformasi dalam bidang akademik tersebut dibuat bagi memastikan UMS kekal relevan, menjadi sumber rujukan dan dihortmati.

"Transformasi ini merupakan satu perubahan signifikan terhadap universiti bagi mendepani cabaran mendatang termasuk globalisasi pendidikan tinggi, pengantaraan bangsaan pendidikan tinggi, isu kebolehpasaran graduan, jangkaan tinggi oleh pemegang taruh dan pengurangan peruntukan pusat," katanya.